

Negara jadi punca kuli jika mundur

Oleh HISHAMUDDIN AUN

KUALA LUMPUR, Isnin -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan kemungkinan Malaysia dikenali sebagai "punca buruh kasar dan kuli bagi negara maju" jika taraf kehidupan lebih baik gagal diwujudkan di negara ini.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa nasib demikian akan menimpa rakyat jika kerajaan lebih mengutamakan kepentingan pemodal tempatan dan membelakangkan kepentingan rakyat biasa.

"Jika kita tidak dapat memberi kehidupan yang sempurna kepada rakyat, mereka akan terpaksa berhijrah ke negara maju untuk menjadi buruh kasar.

"Amatlah menghinakan jika rakyat kita terkenal sebagai punca buruh kasar bagi negara lain. Oleh itu, pelaburan asing diperlukan sekarang untuk mengatasi kemungkinan itu," katanya ketika merasmikan Seminar Pelaburan Negeri Johor, di sini hari ini.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan, jika pelaburan dari dalam negara tidak cergas manakala pelaburan dari luar negara pula dihalang, kesannya ialah rakyat tidak akan mendapat pekerjaan dan memburukkan lagi masalah pengangguran.

Setubuhan itu, katanya, kerajaan harus mengutamakan pengwujudan peluang pekerjaan baru dengan menarik pelabur asing menam modal di negara ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, setakat ini Malaysia berjaya mengatasi kesan buruk kemelesetan ekonomi kerana pengurusan

yang baik dan cermat yang mengutamakan peluang pekerjaan apabila memberi galakan kepada pelaburan.

Beliau berkata, penderitaan rakyat beberapa negara Asia, Afrika dan Amerika Selatan kerana kemiskinan dan inflasi yang tidak dapat dikawal, akan turut dialami oleh rakyat Malaysia jika ekonomi negara tidak dipulihkan segera.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, kerajaan sedang menyusun program perindustrian yang lebih agresif dan tersusun setelah mengatasi beberapa kelemahan serta mengambil kira beberapa prinsip asas Pelan Induk Perindustrian.

Persaingan

Katanya, usaha menjadikan perindustrian, terutama sektor pembuatan, sebagai punca utama pertumbuhan ekonomi negara sedang berjalan lancar dan akan dipertingkatkan dengan lebih pesat lagi.

Sebagai strategi jangka panjang pula, beliau berkata, kerajaan akan berusaha memodenkan, menyusun semula dan memperluaskan asas industri kecil dan sederhana sebagai satu usaha memperkukuh dan mempelbagaikan asas perindustrian negara.

Perdana Menteri juga menyifatkan usaha kerajaan-kerajaan negeri menarik pelaburan ke negeri masing-masing sebagai persaingan sehat yang akan menggalakkan pelaburan yang lebih pesat.

"Persaingan ini akan menjadikan jentera kerajaan negeri lebih mampu bersaing dan dengan demikian, akan terbina pentadbiran yang lebih licin dan berkesan," katanya.